

03 MAY 1996

SAHAM BUKAN PUNCA SAYA BERTANDING, KATA ZAHARAH

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Exco Pergerakan Wanita UMNO Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini menafikan soal pengagihan saham merupakan punca beliau menawar diri bertanding jawatan Ketua Wanita pada pemilihan parti Oktober ini.

Beliau berkata soal pengagihan saham yang dibangkitkannya pada mesyuarat Exco Pergerakan Wanita hanya semata-mata untuk perbincangan dan bukan mempertikaikan kepimpinan Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Ketua Wanita dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Ia setakat dalam konteks perbincangan dan saya rasa tidak ada Exco yang pernah menyentuh secara khusus mengenai perkara itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pameran "Berasa Selesa Selepas 50" anjuran Organon Malaysia Sdn Bhd di sebuah pusat membeli belah di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai kenyataan Rafidah bahawa pengagihan saham merupakan satu daripada punca rasa tidak puas hati sebilangan anggota terhadap kepimpinan beliau (Rafidah).

Siti Zaharah juga menafikan dakwaan bahawa beliau tidak berpuas hati dengan cara Rafidah melantik Ketua-ketua Wanita Negeri, yang dikatakan dilakukan melalui undi sulit dan penglibatan Rafidah dalam pakatan yang mempengaruhi keputusan itu, sehingga menyebabkan beliau (Siti Zaharah) kalah kepada Anggota Dewan Undangan Negeri Muadzam Shah, Puan Maznah Mazlan.

"Perkara itu tidak timbul sama sekali," katanya sambil mengulangi bahawa penawaran dirinya bertanding jawatan nombor satu pergerakan wanita ialah semata-mata untuk membawa perubahan kepada pergerakan khususnya pada peringkat akar umbi.

Siti Zaharah juga berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Rafidah bahawa setiap pemimpin mempunyai rekod dan prestasi kerja masing-masing tetapi beliau berpendapat penilaian rekod dan prestasi itu mesti berdasar rekod yang positif, keberkesanan, hasil kerja dan kejayaan yang dicapai.

Ketika ditanya sama ada kepimpinan wanita kini kurang berkesan dalam menangani soal kebajikan dan program untuk meningkatkan taraf hidup anggota peringkat akar umbi, Siti Zaharah berkata: "Ia tidak kurang tetapi persoalannya ialah haluan, program dan garis panduan yang khusus yang sepatutnya kita (pemimpin wanita) ada untuk membantu mereka di peringkat akar umbi lebih berdaya maju dan berdikari.

"Saya rasa daripada keseluruhannya, elemen-elemen perubahan itu mestilah selari dengan tumpuan yang harus kita berikan seperti perkara-perkara umum yang selalu disarankan oleh perwakilan wanita dalam gerak kerja, majlis dan perhimpunan agung," katanya.

Beliau berkata UMNO kini semakin dinamik dan Pergerakan Wanita sebagai sayap kiri parti itu harus bergerak seiring dengan parti bukan semata-mata untuk berpolitik tetapi juga mengaitkan kesedaran politik dengan isu-isu sosio-ekonomi.

Ketika ditanya sama ada kepimpinan pergerakan kini tidak "Bersih, Cekap dan Amanah" sehingga beliau menggunakan konsep itu bagi perubahan dalam pergerakan, Siti Zaharah berkata perkara itu tidak merujuk kepada Rafidah atau kepimpinan wanita sekarang.

Beliau berkata "Bersih, Cekap dan Amanah" adalah semata-mata prinsip dan pendiriannya, seperti yang diamalkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang mengarah kepada satu kepimpinan yang bertanggungjawab.

"Ia sebagai prinsip dan apa yang saya katakan itu adalah sebagai satu

pendirian. Saya berpegang kepada penilaian bahawa setiap pemimpin itu harus dibuat berdasarkan kepada rekod, tetapi rekod yang bagaimana... kita sepatutnya ke arah rekod yang positif dalam soal imej, perhubungan, keberkesanan dan haluan selaras dengan Wawasan 2020," katanya. -- BERNAMA

HS NAK